

Headline	Kelab Tasik Putrajaya anjur Durian Fest		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	155,996
Page No	46	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,529
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,587



Kelab Tasik Putrajaya anjur Durian Fest

JAMU SELERA. Musim durian yang masih berlangsung dan bakal berterusan sehingga bulan September ini, telah memberi peluang kepada Kelab Tasik Putrajaya menganjurkan Durian Fest 2019 bertempat di kelab tersebut di Putrajaya baru-baru ini.

Pengurus kelab, Azizan Baharom berkata, program yang masuk tahun kedua itu lebih menarik kerana ia telah bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membekalkan buah durian bermutu tinggi dari Raub, Pahang.

Pelbagai jenis durian ditawarkan kepada pengunjung selama tiga hari bermula 26



AZIZAN (dua dari kanan) menunjukkan durian yang ditawarkan bersempena Festival Durian di Kelab Tasik Putrajaya baru-baru ini.

Julai lalu dengan melibatkan buah durian musang king, D24 dan juga durian kampung.

Selain menikmati buah durian, pengunjung boleh membeli nanas, masakan berasaskan durian seperti serawa, cempedak goreng dan juga tawaran makanan daripada beberapa food truck yang menawarkan pelbagai makanan dan minuman serta dihiburkan dengan persembahan pemuzik jalanan.